



YAYASAN PELAJARAN PELADANG

PERJANJIAN PINJAMAN  
ANTARA  
YAYASAN PELAJARAN PELADANG  
DENGAN

NAMA: .....

(PEMINJAM)

NO. KAD PENGENALAN: .....

DAN

NAMA: .....

(PENJAMIN)

NO. KAD PENGENALAN: .....

RUJUKAN : .....

JUMLAH : RM1,000.00 (RINGGIT MALAYSIA: SATU RIBU SAHAJA)

BERTARIKH : .....

**PERJANJIAN PINJAMAN**

PERJANJIAN ini dibuat pada.....haribulan.....tahun.....

**DI ANTARA:**

**YAYASAN PELAJARAN PELADANG, sebuah badan yang didaftarkan sebagai satu Kaedah di bawah Perlembagaan NAFAS, yang beralamat di Lot 9, Jalan 241, Seksyen 51A, 46100 Petaling Jaya, Selangor. (Kemudian daripada ini disebut sebagai Yayasan) di satu pihak.**

**DAN**

Nama :

.....

No. Kad Pengenalan :

.....

Alamat :

.....

.....

.....

(Kemudian daripada ini disebut sebagai PEMINJAM) di pihak yang lain.

**DAN**

Nama :

.....

No. Kad Pengenalan :

.....

Alamat :

.....

.....

.....

(Kemudian daripada ini disebut sebagai PENJAMIN) di pihak yang lain.

BAHAWASANYA:

Peminjam telah memohon mendapatkan pinjaman daripada Yayasan dan Yayasan bersetuju memberi pinjaman sebanyak **RM1,000.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ribu Sahaja)**. Kemudian daripada ini disebut sebagai Pinjaman Tersebut kepada pihak Peminjam untuk membiayai persiapan memasuki Institusi Pengajian Tinggi dan perkara yang berkaitan dengannya.

**OLEH YANG DEMIKIAN, PERJANJIAN INI MENYAKSIKAN seperti berikut:**

**1. TAFSIRAN**

Di dalam Perjanjian ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang berlainan:

- 1.1. NAFAS ertinya Pertubuhan Peladang Kebangsaan, sebuah badan yang ditubuhkan di bawah Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 1.2. PPK ertinya mana-mana Pertubuhan Peladang Kawasan yang ditubuhkan melalui Akta Pertubuhan Peladang 1973 (Akta 109).
- 1.3. YAYASAN ertinya Yayasan Pelajaran Peladang sebuah badan yang didaftarkan sebagai satu Kaedah di bawah Perlembagaan NAFAS.
- 1.4. PEMINJAM ertinya Ahli Pertubuhan Peladang Kawasan yang membuat pinjaman.
- 1.5. PINJAMAN TERSEBUT ertinya pinjaman yang diberikan kepada PEMINJAM.
- 1.6. PENJAMIN ertinya ahli Pertubuhan Peladang Kawasan yang menjadi penjamin kepada pinjaman tersebut.
- 1.7. BULAN ertinya bulan kalendar Masihi.

## **2. PERJANJIAN PINJAMAN**

Yayasan dengan ini bersetuju memberi pinjaman tersebut kepada peminjam mengikut syarat-syarat terkandung di bawah ini.

## **3. BAYARAN BALIK**

### **3.1. Ansuran**

Apabila dituntut Peminjam bersetuju membayar balik kepada Yayasan kesemua jumlah pinjaman yang terhutang kena dibayar dari masa ke semasa berhubung dengan pinjaman tersebut atau di bawah pinjaman ini dan sekiranya tuntutan ini tidak dibuat, Peminjam hendaklah membayar balik pinjaman tersebut dan semua jumlah yang kena dibayar pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Bayaran balik ini juga termasuk tambahan RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) sebagai caj perkhidmatan kepada Yayasan.

### **3.2. Baki**

Tanpa mengambil kira bayaran ansuran boleh dibuat seperti di atas, baki jumlah yang terhutang dan kena dibayar di bawah perjanjian ini hendaklah dibayar sepenuhnya apabila dituntut oleh Yayasan.

### **3.3. Pengurangan/Penambahan**

Di atas permintaan Peminjam, Yayasan boleh dengan kuasa budibicara yang ada dan dari masa ke semasa, menerima jumlah yang terhutang dan kena bayar di bawah perjanjian ini sejumlah ansuran yang kurang atau lebih dari jumlah sepertimana yang telah dipersetujui atau bersetuju menanggungkan pembayaran balik atau melanjutkan masa pembayaran balik atau memberi pelepasan seperti yang dipersetujui. Walau bagaimanapun, tiada apa yang terkandung di dalam perenggan ini boleh ditafsirkan sebagai menyentuh hak Yayasan menggunakan kesemua atau sebahagian hak remedi yang telah ditetapkan apabila berlaku kemungkaran bayaran balik oleh Peminjam.

### **3.4. Hak-hak Yayasan**

Jika didapati Peminjam memberi maklumat palsu dalam permohonan dan perjanjian, pihak Yayasan berhak membatalkan Pinjaman Tersebut dan dengan itu Peminjam hendaklah membayar balik kesemua baki Pinjaman tersebut serta-merta.

### **3.5. Tempoh Perjanjian**

Pinjaman Tersebut adalah untuk Tiga Belas (13) Bulan sahaja, bermula dari tarikh jumlah pinjaman dikeluarkan atau sebahagian daripadanya dikeluarkan kali pertama tanpa mengambil kira peruntukan yang menyatakan sebaliknya di dalam perjanjian ini dan Peminjam hendaklah membayar balik kesemua jumlah yang terhutang dan kena bayar kepada Yayasan seperti di **Jadual 1**.

## **4. SANDARAN**

### **Jaminan**

Penjamin yang menjamin pinjaman tersebut adalah bertanggungjawab di atas pinjaman tersebut dan sekiranya Peminjam tidak dapat membayar pinjaman tersebut, Penjamin bertanggungjawab membayar kesemua pinjaman tersebut.

## **5. SYARAT-SYARAT PENDAHULUAN BAGI PEMBAYARAN WANG**

Peminjam hendaklah mematuhi dan melaksanakan semua syarat dan kewajipan yang telah ditetapkan di dalam Perjanjian ini.

## **6. PERKARA-PERKARA KEMUNGKARAN**

### **6.1. Timbangtara**

Jika ada soal atau perselisihan berbangkit antara pihak-pihak yang berkenaan mengenai perjanjian ini atau mana-mana bahagian daripadanya atau bentuk susunannya atau hak-hak kewajipan atau tanggungjawab-tanggungjawab tersebut di dalam ini atau apa-apa perkara lain yang berbangkit daripadanya atau berhubung dengannya pihak yang mengikat perjanjian ini bersetuju merujuk perkara tersebut kepada Timbangtara yang akan membuat keputusan mengikut Akta Timbangtara 1952.

Penimbangtara hendaklah ditetapkan oleh Pendaftar Pertubuhan Peladang.

## 6.2. Notis

Apa-apa notis atau tuntutan di bawah Perjanjian ini hendaklah secara bertulis dan dianggap telah diserahkan jika dihantar dengan tangan atau pos ke alamat pihak-pihak yang tersebut di atas. Notis atau tuntutan yang dihantar dengan pos akan dikira terserah pada masa yang sepatutnya sampai ke alamat yang dituju.

Pada MENYAKSIKAN DI ATAS maka pihak-pihak yang mengikat perjanjian ini telah menurunkan tandatangan dan atau meteri masing-masing pada hari dan tahun yang mula-mula tertulis di atas.

**DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak Yayasan:**

.....

**(PENGERUSI, YAYASAN)**

**Nama :**

No.K/P:

.....

**(JAWATANKUASA TADBIR, YAYASAN)**

**Nama :**

No.K/P:

**DI HADAPAN:**

.....

**(PENGURUS EKSEKUTIF, YAYASAN)**

**Nama :**

No.K/P:

**DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak Peminjam:**

.....

**(PEMINJAM)**

**Nama :**

No.K/P:

.....

**(SAKSI)**

**Nama :**

No. K/P :

**DITANDATANGANI untuk dan bagi pihak Penjamin:**

.....

**(PENJAMIN)**

**Nama :**

No K/P:

.....

**(SAKSI)**

**Nama :**

No. K/P :

**JADUAL PEMBAYARAN BALIK PINJAMAN**

Bulan dan Tarikh	Perkara	Baki Pinjaman (RM)
Pertama	Jumlah Pinjaman dan Caj Perkhidmatan	1,050.00
Kedua	Tiada Bayaran	1,050.00
Ketiga	Tiada Bayaran	1,050.00
Keempat	Ansuran 1 - RM110.00	940.00
Kelima	Ansuran 2 - RM110.00	830.00
Keenam	Ansuran 3 - RM110.00	720.00
Ketujuh	Ansuran 4 - RM110.00	610.00
Kelapan	Ansuran 5 - RM110.00	500.00
Kesembilan	Ansuran 6 - RM100.00	400.00
Kesepuluh	Ansuran 7 - RM100.00	300.00
Kesebelas	Ansuran 8 - RM100.00	200.00
Kedua Belas	Ansuran 9 - RM100.00	100.00
Ketiga Belas	Ansuran 10 - RM100.00	-

Bayaran hendaklah dibuat dengan kiriman wang/cek berpaling atas nama  
**YAYASAN PELAJARAN PELADANG** di alamat:

**YAYASAN PELAJARAN PELADANG,  
 PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)  
 d/a Lembaga Pertubuhan Peladang,  
 Blok C Utara, Pusat Bandar Damansara,  
 Bukit Damansara, 50460 Kuala Lumpur.**



**Nota:**

**TATACARA SURAT PERJANJIAN**

- 1) Surat Perjanjian setiap Pinjaman hendaklah dibuat dalam (3) salinan.
- 2) Peminjam dan Penjamin wajib memenuhi bahagian-bahagian yang berkaitan dengannya.
- 3) Saksi kepada Peminjam dan Penjamin boleh dibuat oleh Pegawai-pegawai Pertubuhan Peladang dan Pegawai-pegawai LPP dan perlu menurunkan cop Jawatan Pegawai berkenaan.
- 4) Tulisan hendaklah ditulis dengan terang dan jelas. Pen berdakwat hitam adalah digalakkan.
- 5) Tiga (3) Salinan Surat Perjanjian yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri berkenaan dan seterusnya dikemukakan kepada Yayasan Pelajaran Peladang.

*YPP/Pinjaman 2010*